

# Suami isteri ditahan disyaki dera bayi

## Kanak-kanak malang cedera otak akibat guncangan kuat

Oleh Nor Aziah Othman  
bhnews@bharian.com.my

**P**ORT DICKSON: Seorang bayi lelaki berusia sebulan koma dan kini berada dalam keadaan kritikal kerana mengalami pendarahan otak dipercayai akibat didera.

Ketua Polis Daerah Port Dickson, Superintendan K Baljeet Singh, berkata bayi malang berkenaan dipercayai mengalami guncangan kuat yang menyebabkan bahagian dalam otaknya cedera.

Beliau berkata, bayi itu dibawa ke Hospital Port Dickson (HPD) di sini oleh seorang lelaki 11 Mac lalu untuk menerima rawatan kerana demam.

"Mangsa yang didakwa berusia empat bulan kemudian dirujuk ke Hospital Tuanku Jaafar Seremban (HTJS) untuk mendapatkan rawatan lanjut sebelum dipindahkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) berikutan kecederaannya serius.

"Pemeriksaan lanjut mendapati wujud unsur penderaan dan pihak hospital kemudian membuat laporan polis," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, doktor turut mendapati bayi terbabit bukan berusia empat bulan seperti didakwa lelaki berkenaan yang mengaku sebagai pengasuhnya.

Berikutan itu, polis mena-



ENAM anak angkat yang dipelihara pasangan yang kini ditahan berhubung kes seorang bayi lelaki berusia sebulan yang koma dipercayai didera.

**“Mangsa yang didakwa berusia empat bulan kemudian dirujuk ke HTJS untuk rawatan lanjut sebelum dipindahkan ke HKL berikutan kecederaannya serius”**

**K Baljeet Singh**  
Ketua Polis Daerah  
Port Dickson

han lelaki berusia 28 tahun terbabit bersama isterinya berusia 22 tahun di rumah mereka di Taman PD Utama di sini, pada 12 Mac lalu bagi membantu siasatan.

Baljeet berkata, siasatan mendapati bayi itu adalah anak lelaki terbabit hasil hubungan sulitnya dengan wanita Indonesia yang sudah pulang ke negara asalnya.

Katanya, polis turut menemui enam lagi kanak-kanak berusia antara satu hingga 13 tahun di rumah mereka.

Sementara itu, remaja perempuan berusia 13 tahun yang ditemui di rumah pa-

sangan terbabit malam tadi mendakwa keenam-enam mereka adalah anak angkat pasangan itu sejak kecil

Ditanya mengenai bayi yang koma itu, remaja yang enggan namanya disiarkan mendakwa pasangan itu menjaga mereka dengan baik dan tidak tahu bagaimana kejadian itu boleh berlaku.

"Kami tetap sayang bapa dan ibu kerana mereka baik. Selepas mereka ditahan adik dijaga mak cik yang tinggal tidak jauh dari sini ketika saya bersekolah. Rakan bapa pula datang menjaga pada waktu malam," katanya.